

## Noorul Shaiful raih Pingat Emas Canselor

Seramai 1,497 pelajar berjaya menamatkan pengajian dan mendapat ijazah masing-masing dalam pelbagai bidang dan jurusan.

**KUALA TERENGGANU** - Berpegang kepada prinsip melakukannya semua perkara dengan bersungguh-sungguh telah memberi tuah kepada Noorul Shaiful Fitri Abdul Rahman apabila dianugerahkan Pingat Emas Canselor pada Majlis Konvokesyen Ke-5 Universiti Malaysia Terengganu (UMT), baru-baru ini.

Graduan Sarjana Pengurusan Maritim ini berkata, dia tidak pernah mengambil mudah aspek pelajaran dan kurikulum yang disertainya, malah sentiasa melakukannya dengan baik dan bersungguh-sungguh.

"Jika saya tertinggal kuliah kerana terlalu serius melibatkan diri dengan aktiviti kurikulum, saya akan terus



Noorul Shaiful Fitri (tengah) menunjukkan pingat emas yang diperolehnya kepada rakan-rakan yang lain.

SH 29/08/07 Pg.T2

mencari pensyarah berkenaan untuk mendapatkan kembali ilmu yang tertinggal," katanya.

Menurutnya lagi, berbekalkan semangat dan usaha gigihnya, dia berjaya menjadi pelajar terbaik sejak di sekolah menengah lagi dan berterusan semasa menuntut di peringkat diploma di Universiti Putera Malaysia, Sarawak dan UMT.

"Alhamdulillah, saya

berjaya mengelakkan keputusan 4.0 pada setiap semester dan kecemerlangan tersebut melayakkan saya menerima Anugerah Sijil Dekan dan Anugerah Naib Canselor," katanya.

Pada konvokesyen tersebut, seramai 1,497 pelajar berjaya menamatkan pengajian dan mendapat ijazah masing-masing. Majlis disempurnakan oleh Canselor UMT, Raja Permaisuri Agong, Tuanku Nur Zahirah.